

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)58

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB. GOOI ZI SEN**

58. ADUN yang berpaling tadah.

- (a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang berpaling tadah dan tidak lagi menyokong Kerajaan Negeri selepas Langkah Sheraton?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengambil tindakan selaras dengan peruntukan di bawah Perkara 14A, Perlembagaan Negeri?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

58. (a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang berpaling tadah dan tidak lagi menyokong Kerajaan Negeri selepas Langkah Sheraton?

Kerajaan Negeri mengecam tindakan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang berpaling tadah kerana perbuatan sedemikian mengkhianati kepercayaan

dan amanat rakyat yang dimenangi dalam pilihanraya yang lalu. Wakil rakyat yang telah mengubah pendirian politik mereka dilihat sebagai sehaluan dengan barisan Pembangkang Negeri dan akan diperlakukan sedemikian oleh Kerajaan Negeri.

- (B) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengambil tindakan selaras dengan peruntukan di bawah Perkara 14A, Perlembagaan Negeri?

Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang telah digubal khususnya untuk mengatasi situasi wakil rakyat yang berpaling tadah. Namun begitu, keesahan (*legality*) Perkara 14A kini sedang dicabar di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dan telah ditetapkan untuk pendengaran pada 18 Februari 2022. Sehubungan itu, tindakan susulan bagi penguatkuasaan Perkara 14A akan ditangguhkan sehingga perkara ini diputuskan secara muktamad.